

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Musa: Felda jaya semai semangat bekerja keras

**TIMBALAN** Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata Felda telah dapat menunjukkan ketokohnya bukan sahaja dengan menempatkan para penoreka di tempat yang teratur tetapi juga berjaya menyelesaikan semangat untuk berusaha dalam diri mereka.

Semangat bangga untuk bekerja keras dan bertanggungjawab dalam segala yang dijalankan bukan sahaja penting untuk para penoreka sendiri tetapi juga perlu bagi pembangunan negara.

Bellau mengingatkan para penoreka bahawa mereka merupakan golongan yang bertuah kerana berpeluang menikmati berbagai-bagai kemudahan yang telah disediakan untuk masa depan mereka.

Bagaimanapun mereka harus insaf kerana masih ramai yang terus tertinggal dalam keadaan serba kekurangan di tempat asal, katanya ketika berucap selepas menunaikan farid Isyak dan sembahyang tarawih di Masjid Felda, Redung Satu kira-kira 18 kilometer dari sini malam tadi.

## Serba kurang

Datuk Musa menekankan tentang pentingnya para penoreka berusaha sendiri dan tidak semata-mata menjalankan tanggungjawab yang diberikan oleh Felda sahaja.

Bellau kemudian mengingatkan bahawa anasir-anasir itu sentiasa menjalankan usaha mereka terutama sekali di kalangan mudamudi dengan menyemai idea-idea yang tidak sihat yang boleh mencabar kewibawaan mereka dan seterusnya mengancam segala kejayaan yang telah dicapai se-

## LABIS, Jumaat

hingga ini.

"Secara sedar atau tidak umat Islam di negara ini sudah mula menunjukkan perpecahan yang bukan sahaja boleh mengancam tahap pencapaian pembangunan rohani tetapi juga jasmani."

Bagaimanapun menurut Datuk Musa, umat Islam boleh mengelakkan perpecahan seumpama itu dari terus berlaku, jika mereka sentiasa insaf dan bersatu padu seperti yang telah dilakukan pada masa-masa lalu.

Bellau yang juga Ketua Umno Bahagian Labis, mengingatkan bagaimana dengan kekuatan agama umat Islam dapat melalui ranjau-ranjau zaman ancaman komunis, penjajahan British, merdeka dan seterusnya dicabar terus oleh komunis.

## Dicabar

"Semua itu telah dapat kita lalui dengan adanya kekuatan agama melalui Islam hinggakan anasir-anasir yang cuba menjahanamkan kita dapat dihapuskan dan mereka sudah buntu dalam cubaan mereka", katanya.

Sebagai contoh, kata Datuk Musa, Parti Komunis Malaya (PKM) telah mencuba tanpa henti-henti untuk merampas kuasa tetapi tidak berjaya langsung kerana tentangan oleh umat Islam yang sentiasa bersatu padu hingga tidak dapat ditembusi.

Melalui kekuatan itu jugalah perjuangan mencapai kemerdekaan diteruskan hingga negara dapat menjalankan berbagai-bagai rancangan untuk rakyat.

Timbalan Perdana Menteri seterusnya mengingatkan rakyat supaya mengekalkan perpaduan yang ada sekarang.

Jika tidak keadaan pentadbiran dan politik akan menjadi kacau-kacir hingga boleh menjejaskan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan yang merupakan objektif kemerdekaan, katanya.

## Jejas

Kebuntuan yang dihadapi oleh anasir-anasir tertentu sekarang hendaklah dijadikan sebagai peluang menggunakan perpaduan yang ada untuk pembangunan negara, tambahnya.

"Setiap penoreka harus berfikir lebih dari itu dan apa juga tugas yang boleh dijadikan sebagai langkah untuk memperbaiki taraf kehidupan hendaklah dijalankan terutama bagi mereka yang baru ditempatkan.

"Cara untuk meningkatkan pendapatan bukan dengan hanya menuntut dari pihak Felda sahaja tetapi sebaliknya hendaklah berusaha sendiri", tambah bellau.

Timbalan Perdana Menteri berkata semangat inisiatif harus dititikberatkan dari sekarang bagi mewujudkan satu generasi baru yang boleh berdikari.

## Wujud

"Kerana tanpa itu kita akan terus ketinggalan", tegas bellau.

Sebelum itu, Datuk Musa yang juga Ketua Umno Bahagian Labis telah menziarahi Ketua Pengeraja Wanita Umno Bahagian itu, Puan Hajah Kintan Ibrahim yang uzur lebih setahun di Sungai Gatot, dekat sini. — Bernama.